Bitara

eISSN : 2805-5470

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

BIL. 2 / 2025

International Research and Innovation Symposium Competition (RISE 2025)

ICC · MyREI · TRANSFORM · MyRIVET · RMC · INDUSTRY COMMUNITY RELATIONS CENTRE · ICRC · UTHM · INSTITUTE FOR INTEGRATED ENGINEERING · iSWAJ UTHM

© Penerbit UTHM
Terbitan Kedua 2025

Hak cipta terpelihara. Dilarang untuk menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

Diterbit oleh:

Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698/8529
No. Faks: 07-453 6145

Redaksi BITARA

Penaung
Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad

Penasihat
Prof. Ts. Dr. Norzila binti Othman

Ketua Editor
Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan

Sidang Editor
Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan |
En. Idris bin Johar | Cik Yuniza binti Asri |
Cik Nurhuda binti A Malik

Konsep dan Rekaan
Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan |
En. Idris bin Johar | Cik Yuniza binti Asri |
Cik Nurhuda binti A Malik

Penyumbang Berita
ICC - En. Mohd Raimi bin A. Samat |
MyREI - Prof. Madya Sr. Dr. Abdul Jalil bin Omar,
Dr. Indera Syahrul bin Mat Radzuan,
Cik Emy Syafiqah Nadia binti Mohd Hamidi |
TRANSFORM - Dr. Zahrul Akmal bin Damin |
MyRIVET - En. Ahmad Khirul Nizam bin Ali |
RMC - En. Mohd Faiq bin Azhar |
ICRC - Prof. Madya Dr. Abu Ubaidah bin Shamsudin |
Pejabat Penerbit - Dr. Nurhafiza binti Hamzah,
Pn. Sarena binti Kadeni, Pn. Nurnisa Akila binti Abd Kadir,
Cik Nurhuda binti A Malik
I²E - Cik Maizatulazrina binti Yaakob|
iSWAJ - Dr. Nur Zainatul Nadra binti Zainol

Percetakan
Pejabat Penerbit UTHM

Isi Kandungan

04-11 Aktiviti ICC
12-13 Aktiviti MyREI
14-15 Aktiviti TRANSFORM
16-17 Aktiviti MyRIVET
18-19 Aktiviti RMC
20-21 Aktiviti ICRC
22-23 Aktiviti Pejabat Penerbit
24-25 Aktiviti I²E
26-27 Aktiviti iSWAJ

Redaksi BITARA mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan bagi penerbitan BITARA ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BITARA yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada alamat e-mel *sarena@uthm.edu.my*

Sekilas Pandang

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. Dengan izin-Nya, saya merakamkan penghargaan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) atas kejayaan menerbitkan Buletin Bitara Bil. 2/2025 sebagai wadah informasi kepada seluruh warga universiti.

Tahun 2025 menjanjikan gelombang inovasi yang memberangsangkan. ICC dengan penuh komitmen menganjurkan program terbesar RISE 2025, platform tahunan untuk mencungkil bakat penyelidik UTHM serta mengenal pasti potensi inovasi teknologi ke peringkat lebih tinggi. Seiring itu, UTHM – *Festival of Ideas* (FOI) turut diluncurkan dan bakal berlangsung pada penghujung tahun ini. Tahniah diucapkan kepada semua warga ICC, jawatankuasa pelaksana, para hakim, peserta RISE 2025 dari seluruh negara, serta warga UTHM yang sentiasa memberikan sokongan.

Berpegang kepada moto "Transformasi Digital Teknologi MADANI", ICC menekankan penyelidikan, pembangunan inovasi dan pengkomersialan produk universiti ke arah kecemerlangan bertaraf global. Usaha ini diterjemahkan melalui penyertaan dalam pelbagai pertandingan dan pameran di peringkat nasional dan antarabangsa, selain membuka ruang perkongsian idea serta penemuan baharu untuk dikomersialkan.

Pada masa sama, ICC menggalakkan semua warga universiti memperkukuh permohonan Harta Intelek (HI). HI hasil penyelidikan adalah aset berharga yang mesti dilindungi sebelum dikembangkan. ICC komited mempergiatkan perkhidmatan sokongan dan pemerkasaan inovasi bagi memastikan produk universiti memberi impak ekonomi dan manfaat kepada masyarakat.

Semoga ICC dan UTHM terus melangkah sebagai hab inovasi serta pengkomersialan yang unggul!
Sekian,

Wa billahi taufiq wal hidayah,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

PROF. Eur Ing. Ir. Ts. Dr. Shahiron bin Shahidan
Pengarah
Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

International Research and Innovation Symposium Competition (RISE 2025)

26 Jun 2025 - Dewan Sultan Ibrahim (DSI) UTHM. Program *RISE* 2025 telah melabuhkan tirainya dengan penuh kejayaan setelah berlangsung selama dua hari dengan menghimpunkan para penyelidik dan inovator dari pelbagai latar belakang dalam satu platform antarabangsa.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Menjalankan Fungsi Naib Canselor UTHM, YBhg. Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid bin Abdul Razzaq, dan turut hadir bersama adalah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Wakil Rasmi Adun Kawasan Parit Raja, serta pegawai-pegawai kanan Univesiti yang turut hadir tanda memberikan sokongan penuh terhadap agenda pemerkasaan penyelidikan dan inovasi.

RISE 2025 bukan sahaja memperkukuh jaringan penyelidikan global, tetapi juga menzahirkan komitmen UTHM dalam memacu inovasi berimpak tinggi demi manfaat masyarakat sejagat.

Untuk kesekian kalinya, ICC menerima penyertaan yang begitu memberangsangkan saban tahun dari kalangan pelajar mahupun staf akademik universiti, Politeknik, Kolej Poly-Tech Mara, Sekolah-Sekolah, serta Universiti Awam dan Swasta di dalam dan luar negara (Indonesia).

Lawatan Delegasi Universiti Islam Malaysia (IIUM) ke Pusat Inovasi Dan Pengkomersialan, UTHM

25 April 2025 - Lawatan delegasi Universiti Islam Malaysia (IIUM) ke Pusat Inovasi dan Pengkomersialan, UTHM. Lawatan ini bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan antara kedua-dua institusi serta meneroka peluang kerjasama strategik dalam bidang inovasi dan pengkomersialan.

Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman, amalan terbaik, dan inspirasi bagi meningkatkan daya saing serta memperluaskan potensi inovasi di universiti masing-masing.

Semoga lawatan ini menjadi platform untuk mencipta sinergi baharu dan mencorakkan masa depan yang lebih gemilang untuk kedua-dua institusi.

Jerayawara Pusat Inovasi dan Pengkomersialan bersama TRANSFORM & FKMP

23 Mei 2025 - Pusat Inovasi dan Pengkomersialan telah menganjurkan Jerayawara bersama staf Pejabat TRANSFORM & FKMP.

Tujuan program ini dijalankan adalah untuk berkongsi ilmu mengenai Inovasi dan Komersial kepada penyelidik FKMP dan staf pejabat TRANSFORM, selain itu program ini bertujuan memberi pendedahan kepada penyelidik berkaitan kepentingan melindungi harta Intelek dan juga pengkomersialan dalam penyelidikan.

Terima kasih kepada semua staf yang hadir untuk menjayakan program ini.
Tulus ikhlas daripada Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC)

Sesi Pembentangan Pencapaian Prestasi Syarikat Terbitan Universiti Bil. 1

26 Mei 2025 - Sesi Pembentangan Pencapaian Prestasi Syarikat Terbitan Universiti (STU) Bil.1 bagi tahun 2025 telah diadakan pada ketetapan berikut:

Tarikh: 26 Mei 2025 (Isnin) - Sesi Pertama
Masa: 2.30 petang hingga selesai
Platform: *Google Meet*
Syarikat Terbitan Universiti (STU) yang telah membuat pembentangan mengikut giliran antaranya adalah:

1) FKAAB *Consult*
2) RF EMC *Centre* Malaysia Sdn. Bhd.
3) EMTEX CTS Sdn. Bhd.
4) Avitex *Solution* (M) Sdn. Bhd.

Majlis Perasmian Digital TVET *Tranformation Summit* 2025 (Dots'25)

28 Mei 2025 - Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) telah terlibat sebagai pempamer produk penyelidikan sempena Majlis Perasmian Digital TVET *Tranformation Summit* 2025 (DOTS'25) anjuran Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat, UTHM.

Dua orang penyelidik telah mewakili ICC menjadi pempamer iaitu Dr. Hisyam Abdul Rahman (FKEE) dan En. Mokhtar Yahya (PPD) dengan produk penyelidikan masing-masing bertajuk ReHAD dan *Relics: The Golden* Dinar.

Majlis diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Sri Ibrahim bin Ahmad, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti sebagai perasmi dan ditemani YBhg. Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid bin Abdul Razzaq menjalankan fungsi Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI) dan YBhg. Prof. Eur Ing. Ir. Ts. Dr. Shahiron bin Shahidan, Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersialan.



Pameran Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa, *36th International Invention, Innovation, Technology Competition & Exhibition*, Malaysia (ITEX 25)

30 Mei 2025 – UTHM sekali lagi mencatat rekod apabila berjaya membawa pulang 8 pingat hasil penyertaan 8 produk penyelidikan ketika menyertai Pameran Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa, *36th International Invention, Innovation, Technology Competition & Exhibition*, Malaysia (ITEX 25).

UTHM berjaya meraih dua (2) pingat emas dan enam (6) perak melalui penyertaan produk hasil kajian dan penyelidikan pensyarah dari pelbagai fakulti. Kejayaan ini membuktikan aktiviti penyelidikan di UTHM mampu menarik perhatian umum sekali gus mampu bersaing dengan universiti ternama lain di Malaysia.

Pameran kali ke-36 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 29 hingga 31 Mei ini telah disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YB Tuan Chang Lih Kang.

ITEX 2025 kali ini mempamerkan lebih 500 penyelidikan oleh penyelidik universiti, pusat penyelidikan dalam dan luar negara, sekolah rendah dan menengah, termasuklah sektor swasta dari lebih 20 negara antaranya Indonesia, Taiwan, Korea Selatan, Arab Saudi, Iran, Korea dan Malaysia.

Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC) UTHM melalui Pengarahnya, Profesor Eur. Ing. Ts. Dr. Shahiron Shahidan merakamkan ucapan tahniah dan syabas atas kejayaan semua penyelidik yang menyertai ITEX 2025.

“Pencapaian ITEX 2025 pada kali ini sangat membanggakan dengan jumlah penerimaan pingat adalah 100% penyertaan yang dihantar, Syabas”.

Tambah beliau, menjadi hasrat UTHM meliberalisasi keupayaan pensyarah dengan tujahan motivasi sekali gus sebagai tarikan kepada mereka untuk menjana pendapatan kepada universiti.

“Komitmen ini juga sebagai satu langkah untuk membawa UTHM kepada *Global Technopreneur University* (GTU 2030),” katanya.

Sesi Perbincangan Berkaitan Pengkomersialan
bersama Syarikat Khaya Ilham Sdn. Bhd.

2 Julai 2025 - ICC UTHM telah menerima kunjungan daripada wakil Syarikat Khaya Ilham Sdn. Bhd. bagi membincangkan potensi pengkomersialan produk penyelidikan Prof. Ts. Dr. Mohd Fadzelly bin Abu Bakar, iaitu Diabe-Tea dan Beau-Tea. Perbincangan ini tertumpu kepada strategi dan hala tuju pengkomersialan produk berasaskan herba yang berpotensi untuk dikembangkan di peringkat industri.

Semoga sesi ini membuka ruang kerjasama strategik yang bermanfaat kepada kedua-dua pihak dan melonjakkan lagi inovasi penyelidikan UTHM ke pasaran. Ayuh terus menyokong usaha pengkomersialan hasil penyelidikan tempatan ke arah kejayaan yang lebih gemilang!

Hari TVET Negara 2025

13 Jun 2025 - UTHM tidak melepaskan peluang untuk menyertai Hari TVET Negara 2025 yang diadakan pada 11 hingga 13 Jun 2025.

UTHM di bawah penyelarasan ICC telah menyertai aktiviti di bawah Hub 1 iaitu Pameran TVET. UTHM mewakili dua reruai iaitu UTHM RPTO di bawah Sektor Aeroangkasa dan *Makerspace*@UTHM di bawah Sektor Elektronik & Digital.

Majlis perasmian Hari TVET Negara 2025 ini telah diadakan pada 12 Jun 2025 dan dirasmikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Penyelidik – penyelidik yang terlibat di bawah UTHM RPTO ialah Prof. Madya Dr. Mohammad Zulafif bin Rahim, Prof. Madya Ts. Dr. Omar Mohd Faizan bin Marwah @ Omar dan Dr. Siti Juita Mastura binti Mohd Saleh. Di bawah *Makerspace*@UTHM, penyelidik yang terlibat ialah Ts. Muhammad Shukri bin Ahmad, Ts. Ahmad Alabqari bin Ma'radzi dan Ts. Tengku Nadzlin bin Tengku Ibrahim.

Selain mempamerkan hasil penyelidikan Universiti, penyelidik juga tidak melepaskan peluang untuk mempromosikan program-program TVET yang ada di UTHM bagi menggalakkan pelajar-pelajar sekolah untuk melanjutkan pengajian di UTHM.

Di samping itu, penyelidik juga berpeluang untuk membina jaringan kolaborasi TVET bersama agensi-agensi di dalam pelbagai sektor yang turut serta menjadi pempamer di dalam program ini.

Ujibakat *Innovathon* Musim Ke-3 di UTHM

30 Julai 2025 - UTHM melalui ICC telah dipilih sebagai salah satu lokasi Zon Selatan bagi penganjuran Ujibakat *Innovathon* 2025, sebuah program anjuran ASTRO dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Program ini bertujuan mencungkil bakat serta menggilap kreativiti dan daya inovasi masyarakat, khususnya golongan muda, dalam menghasilkan idea serta penyelesaian yang mampu memberi impak positif kepada komuniti dan negara.

Pelaksanaan sesi ujibakat di UTHM telah berlangsung dengan jayanya dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para peserta yang hadir dengan penuh semangat serta komitmen.

Dengan pemilihan UTHM sebagai salah satu zon penting bagi program ini, ia secara tidak langsung mengangkat nama universiti sebagai pusat yang menyokong pembangunan inovasi, pengkomersialan serta pembudayaan sains dan teknologi seiring aspirasi negara.

Malaysia International Food & Beverage Trade Fair (MIFB 2025),
Malaysia Café Expo & Myfoodtech

1 Ogos 2025 - UTHM telah menyertai Malaysia *International Food & Beverage Trade Fair* (MIFB 2025) yang berlangsung dari 30 Julai hingga 1 Ogos 2025 di Kuala Lumpur *Convention Centre* (KLCC).

Acara berprestij ini turut merangkumi dua program utama lain iaitu Malaysia *Café Expo* dan *MyFoodTech*, menjadikan keseluruhannya sebuah platform serantau yang mengumpulkan lebih 500 pempamer dari lebih 50 buah negara. Ia menjadi medan penting dalam memperkukuh jaringan dan memperkenal inovasi terkini dalam industri makanan dan minuman (F&B).

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi, bersama tokoh-tokoh industri seperti YB Sivakumar Varatharaju Naidu, Pengerusi Malaysia *Convention & Exhibition Bureau*; Mr. Kelvin Ngow, Presiden Malaysia *Specialty Coffee Association*; serta Mr. Chua Wee Phong, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan *Constellar Holdings*.

UTHM telah menghantar dua orang penyelidik sebagai pempamer iaitu Dr. Nur Hafizah binti Malik, yang membawakan inovasi berasaskan kelestarian makanan melalui produk *Cauliflower Stalk Powder as Binding Solution in Plant-Based Burger*, dan Ts. Dr. Aliff Hisyam bin A. Razak yang memperkenalkan produk *Clarity Herbal Chocolate Drink*, minuman herba berasaskan koko yang diformulasi untuk menyokong kesihatan pengguna. Kedua-dua penyelidik mengetengahkan hasil inovasi yang selaras dengan keperluan pemakanan masa hadapan dan amalan lestari dalam industri makanan.

Turut hadir memberikan sokongan ialah Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC), Prof. Eur Ing. Ir. Ts. Dr. Shahiron bin Shahidan, dan Timbalan Pengarah (Perkhidmatan Inovasi), Ts. Dr. Mohamad Azim bin Mohammad Azmi, yang turut mengambil peluang untuk mengukuhkan jaringan strategik bersama rakan industri serta mengenal pasti peluang pengkomersialan berpotensi bagi produk penyelidikan universiti.

Dengan tema "*Future-Ready F&B: Serving the Evolution of Trends*", MIFB 2025 menyerlahkan transformasi industri makanan dan minuman yang semakin dinamik, menekankan digitalisasi, inovasi dan kelestarian.

Penyertaan UTHM dalam program ini mencerminkan komitmen universiti untuk terus menjadi peneraju dalam bidang penyelidikan dan inovasi yang memberi impak kepada masyarakat dan industri.

Community Resilient Against Flood@KITARecycle

30 Apr 2025 - Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI) dan *Centre of Sustainable Infrastructure & Environmental Management* (CSIEM) telah menganjurkan program *Community Resilient Against Flood @ KITARecycle*. Program yang julung kali diadakan ini dengan SWM Environment Sdn Bhd selaku penganjur, serta MyREI dan Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY), Indonesia sebagai penganjur bersama. Program ini berlangsung di Sek. Keb. Seri Mendapat Batu Pahat bertujuan untuk memberikan pendedahan dan meningkatkan kesedaran murid-murid berhubung kepentingan pemeliharaan alam sekitar, penerapan amalan kitar semula, serta meningkatkan kesiapsiagaan komuniti dalam menghadapi bencana banjir. Program ini telah melibatkan penyertaan daripada 14 buah sekolah di sekitar daerah Batu Pahat. Program khidmat masyarakat ini turut dihadiri oleh pakar bidang teknologi air iaitu Ir. Dr. Nur Setiawan dari UMY yang berkongsi pengalaman beliau dalam menangani isu banjir. Turut serta, ialah Prof. Madya Dr. Abdul Jalil, Pengarah, MyREI dan Prof. Madya Dr. Md Asrul Nasid Masrom, CSIEM yang telah menyampaikan ceramah bertajuk "Selamatkan Bumi Kita! Apa Peranan Kita Bagi Mencegah Banjir". Selain itu, pelbagai aktiviti menarik turut dijayakan antaranya pameran keselamatan, demonstrasi tindakan kecemasan banjir, kaunter bergerak *KITARecycle* serta pertandingan mewarna.

Plant, Machinery & Equiments Valuation Practice (With Site Inspection to Biodiesel Plant@UTHM)

15 Mei 2025 - Kursus '*Plant, Machinery & Equipments Valuation Practice*' telah diadakan pada 14 hingga 15 Mei 2025 bertempat di Loji Pemprosesan Minyak dan Gas dan KANZU Knowledge, UTHM. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan menyeluruh kepada peserta mengenai penilaian aset tetap seperti jentera, mesin dan peralatan di loji biodiesel. Pendedahan berkaitan penilaian aset ini amat penting terutama bagi mereka yang menceburi bidang perakaunan, percukaian, insurans dan pengurusan aset. Kursus ini juga merangkumi sesi lawatan tapak ke loji biodiesel di kampus induk UTHM.



Pengenalan kepada Pelaburan Saham Patuh Syariah di Malaysia

17 Jun 2025 - Kursus ini telah disampaikan oleh Pengarah MyREI memberikan pengenalan asas kepada dunia pelaburan saham patuh Syariah di Malaysia. Ia direka khusus untuk individu yang ingin memahami bagaimana pasaran saham beroperasi mengikut prinsip-prinsip Syariah. Peserta akan didedahkan kepada konsep pelaburan Islam, penapisan saham patuh Syariah oleh Suruhanjaya Sekuriti, mekanisme pasaran Bursa Malaysia-i, serta teknik asas analisis saham. Kursus ini turut membimbing peserta dalam membuat keputusan pelaburan yang beretika dan selaras dengan nilai-nilai Islam, sambil memupuk kesedaran terhadap kepentingan pengurusan kewangan dan pelaburan yang berhemat.

Managing Strata Residential

18 Jun 2025 - Kursus secara virtual ini telah disampaikan oleh Sr Zarina Shamsudin, Felo Institut MyREI. Kursus ini memberi pendedahan menyeluruh tentang pengurusan hartanah kediaman strata seperti pangsapuri, kondominium dan perumahan bertingkat. Peserta akan memahami struktur perundangan yang berkaitan termasuk Akta Pengurusan Strata 2013, peranan dan tanggungjawab Perbadanan Pengurusan (MC) serta Jawatankuasa Pengurusan (JMB), dan tatacara pengurusan kewangan, penyelenggaraan bangunan serta penyelesaian konflik dalam komuniti strata. Kursus ini juga merangkumi amalan terbaik dalam membina komuniti harmoni, cekap dan mampan dalam persekitaran kediaman bertingkat.

Kursus *Specialised Property Valuation*

26 Jun 2025 - Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI) telah menganjurkan kursus selama dua hari bertajuk *Specialised Property Valuation* atau Penilaian Harta Tanah Khas yang telah diadakan pada 25 hingga 26 Jun 2025 di Jambatan Angkat Kuala Terengganu dan Hotel Grand Continental, Kuala Terengganu. Kursus selama dua hari ini telah diperakui oleh Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (BOVEAP) dengan nilai jam latihan sebanyak 10 CPD. Selain itu, kursus ini juga membolehkan majikan yang mencarum di bawah skim Dana Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) untuk menyertainya dengan UTHM bertindak sebagai Penyedia Latihan yang diikitiraf. Modul kursus ini telah disampaikan oleh lima orang penceramah iaitu Prof. Sr Dr. Wan Zahari Wan Yusoff (UTHM), Prof. Madya Dr. Mohd Hasrol Haffiz Aliasak (UiTM), Sr Anuar Husin (BidMyAsset), Encik Jeevan Muniandy (BidMyAsset) dan Sr Aiman bin Hasnan (PA International Property Consultants). Paling menarik, peserta-peserta kursus diberi peluang untuk melawat loji pengoperasian jambatan angkat yang pertama di Asia Tenggara ini.

Kunjungan Hormat dan Sesi Menandatangani *Letter of Intent* (LoI) bersama Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat

7 Mei 2025 - TRANSFORM UTHM telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat pada 7 Mei 2025. Kunjungan hormat ini bertujuan untuk membincangkan potensi kerjasama strategik di antara TRANSFORM UTHM dan Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat. Di penghujung sesi, satu *Letter of Intent* (LoI) telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak sebagai langkah awal untuk mengukuhkan kerjasama dan memperluas jaringan yang boleh memberi manfaat.

Terimaan Kunjungan Hormat Daripada Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan

8 Mei 2025 - TRANSFORM UTHM telah menerima kunjungan hormat daripada Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan pada 8 Mei 2025. Kunjungan hormat ini bertujuan untuk membincangkan potensi kerjasama strategik di antara Jabatan Laut Malaysia dan TRANSFORM UTHM. Selain itu, kunjungan hormat ini juga bertujuan untuk membincangkan potensi kerjasama strategik yang melibatkan penggunaan dron. Terimaan kunjungan ini telah diketuai oleh Dr. Zahrul Akmal bin Damin dan turut bersama adalah Prof. Madya Dr. Fadillah binti Ismail. Kehadiran Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan telah diketuai oleh Pengarah iaitu Tuan Khairil Azizie bin Che Mat. Turut hadir adalah Ketua Penyelidik ReCUV iaitu Ir. Dr. Ahmad Hamdan bin Ariffin dan Pengarah Avitex Solution (M) Sdn. Bhd. iaitu Dr. Siti Juita Mastura binti Mohd Saleh.

Program Hari Alat Bantuan Pelayaran Sedunia (*Waton Day*) di Pulau Harimau, Mersing Anjuran Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan

24 Mei 2025 - TRANSFORM UTHM telah menghadiri Program CSR anjuran Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan iaitu Program Hari Alat Bantuan Pelayaran Sedunia (*Waton Day*) di Pulau Harimau, Mersing pada 24 Mei 2025. TRANSFORM juga dijemput bagi membuat kajian rintis kebolehlaksanaan dron di pulau tersebut. Kehadiran TRANSFORM telah diketuai oleh Prof. Madya Dr. Fadillah binti Ismail dan turut bersama adalah Cik Nor Azila binti Nor Azaman. Turut hadir adalah wakil Penyelidik daripada ReCUV UTHM iaitu Muhamad Wafi bin Abdul Aziz dan Ikhwan Shah Tisadi bin Tukiat serta tujuh orang pelajar Kor SISPA UTHM.

Program Celik Disleksia Guru Prihatin Siri 2: Bengkel Pengendalian Pembelajaran Pelajar Disleksia

27 Mei 2025 - TRANSFORM UTHM dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Batu Pahat, Sekolah Kebangsaan (SK) Peserai dan UTHM Bitara telah menganjurkan Program Celik Disleksia Guru Prihatin Siri 2 iaitu: Bengkel Pengendalian Pembelajaran Pelajar Disleksia pada 27 Mei 2025. Bengkel ini telah dilaksanakan secara bersemuka di Bilik Lestari 2 dan Dewan Jamuan, Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan membantu guru-guru memahami tentang disleksia dan memahami cara menangani pembelajaran pelajar-pelajar disleksia. Seramai 45 orang peserta yang terlibat dalam webinar ini yang terdiri daripada guru-guru sekolah rendah di sekitar kawasan Batu Pahat dan pegawai daripada PPD Batu Pahat.

Bengkel Penyelidikan Polisi - daripada Cadangan ke Kertas Polisi

5 Jun 2025 - TRANSFORM UTHM dengan kerjasama Pusat Kepimpinan dan Kompetensi, UTHM telah menganjurkan Bengkel Penyelidikan Polisi - Daripada Cadangan Ke Kertas Polisi dengan jayanya pada 4 dan 5 Jun 2025. Bengkel ini telah dilaksanakan secara bersemuka di Bilik Seminar Sri Siantan, Aras 3, Bangunan Pejabat Pendaftar, UTHM dan dikendalikan oleh pakar daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan penyediaan kertas polisi berkualiti untuk kebaikan universiti.

Kursus Teknik Penulisan Biografi

3 Julai 2025 - TRANSFORM UTHM dengan kerjasama Pusat Kepimpinan dan Kompetensi, UTHM telah menganjurkan Kursus Teknik Penulisan Biografi dengan jayanya pada 2 dan 3 Julai 2025. Kursus ini telah dilaksanakan secara bersemuka di Dewan Jamuan, Aras 5, Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM dan dikendalikan oleh pakar daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Kursus ini bertujuan untuk membantu peserta menguasai teknik asas dan lanjutan dalam penulisan biografi.

Terimaan Kunjungan Hormat dan Sesi Menandatangani *Letter Of Intent* (LoI) bersama Sekolah Kebangsaan Peserai

25 Julai 2025 - TRANSFORM UTHM Malaysia telah menerima kunjungan hormat daripada Sekolah Kebangsaan Peserai Batu Pahat pada 25 Julai 2025. Kunjungan hormat ini bertujuan untuk membincangkan potensi kerjasama strategik di antara TRANSFORM UTHM dan Sekolah Kebangsaan Peserai. Di penghujung sesi, satu Letter of Intent (LoI) telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak sebagai langkah awal untuk mengukuhkan kerjasama dan memperluas jaringan yang boleh memberi manfaat

Bengkel Libat Urus *Work-Based Learning* bersama Institusi TVET Kementerian Pengajian Tinggi

15 Apr 2025 - *Government-Industry TVET Coordination Body* (GITC) telah menganjurkan Bengkel Libat Urus *Work-Based Learning* (WBL) bersama Institusi TVET Kementerian Pengajian Tinggi di MOXY Hotel, Putrajaya. MyRIVET membantu GITC dengan bertindak sebagai moderator sesi *Focus Group Discussion* (FGD) bersama ketua-ketua program dan pakar dar iMTUN dan JPPKK (Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti) untuk memperkukuh strategi dan pelaksanaan WBL di institusi TVET KPT.

BILT 2025 Perkukuh Peranan UTHM dalam TVET Antarabangsa

31 Mei 2025 - Program *Bridging Innovation and Learning in TVET* 2025 (BILT 2025) telah berjaya dianjurkan oleh UTHM pada 28 hingga 30 Mei 2025 di Hotel Impiana KLCC, Kuala Lumpur dengan kerjasama UNESCO-UNEVOC dan BIBB, Jerman. Sebagai komponen utama Global Digital TVET *Transformation Summit* 2025 (DOTS25), acara ini menghimpunkan hampir 20 negara dari Afrika, Asia-Pasifik dan Eropah, dengan menekankan transformasi digital dan integrasi AI dalam TVET. Penganjuran ini menegaskan kedudukan UTHM sebagai peneraju global dalam memperkukuh pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional di peringkat antarabangsa.

Rancangan Selamat Pagi Malaysia, Nadi Seri Pagi TV1

26 Mei 2025 - Rancangan Selamat Pagi Malaysia, Nadi Seri Pagi, TV1 @ RTM pada 26 Mei 2025 (Isnin), 9.40 pagi bersama;
1. Profesor Ts. Dr. Abdul Rasid bin Abdul Razzaq, menjalankan fungsi Naib Canselor UTHM dan;
2. Profesor Emeritus Dr. Jailani bin Md Yunos, Penasihat Institut Penyelidikan Pendidikan dan Latihan Vokasional Malaysia (MyRIVET) merangkap Ahli *High Level Committee*, Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET)

UTHM diiktiraf sebagai Pusat UNEVOC

1 Jun 2025 - UTHM terus mencipta kejayaan di peringkat antarabangsa apabila disambung pengiktirafannya sebagai Pusat UNEVOC bagi tempoh empat tahun lagi, bermula dari 2025 hingga 2028. Penyerahan plak sebagai simbol rasmi pengiktirafan tersebut telah disempurnakan oleh Ketua UNEVOC Antarabangsa, Mr.Friedrich Huebler, kepada Prof. Madya Ts. Dr. Affero bin Ismail, Koordinator Pusat UNEVOC UTHM. Majlis penuh berprestij ini telah berlangsung pada 29 Mei 2025 sempena Program *Building Innovation in Learning and* TVET (BILT) yang diadakan di Hotel Impiana KLCC.

MyRIVET Knowledge Sharing Series: Empowering TVET Educators, Shaping Future Skills - From Sand to Chip

18 Julai 2025 - Program perkongsian ilmu ini disampaikan oleh Dr Hasliza binti Hassan dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UTHM. Sesi ini memberi pendedahan mengenai proses utama pembuatan semikonduktor serta kaitannya dengan pendidikan TVET dan kejuruteraan. Sesi ini turut mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan aktif peserta dari dalam dan luar negara.

MyRIVET Knowledge Sharing Series: Empowering TVET Educators, Shaping Future Skills - Crafting Learning Experiences for Digital Learners

7 Ogos 2025 - Program perkongsian ilmu ini disampaikan oleh Prof.Madya Ts Dr Marlina binti Mohamad, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Dalam sesi tersebut, beliau menekankan kepentingan pembangunan kandungan yang sesuai untuk platform digital, pengintegrasian teknologi yang bersesuaian serta usaha memupuk pembelajaran aktif dalam kalangan pelajar. Program ini mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan daripada warga akademik dan peserta yang berminat untuk meningkatkan kualiti pengajaran serta pengalaman pembelajaran digital.

Exit Meeting MyRA@2024

11 April 2025 - *Exit Meeting* MyRA@2024 telah berlangsung dengan jayanya pada 10 April 2025 (Khamis) bertempat di Dewan Jemaah, Aras 5, PTTA, UTHM.

Majlis ini telah diserikan dengan kehadiran Naib Canselor UTHM, Yang Berhormat Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, bersama TNCPI, Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad, yang memberikan sokongan, cadangan dan penambahbaikan terhadap usaha semua pihak dalam sesi ini.

RMC merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua juru audit, warga penyelidik dan pasukan sokongan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Semoga usaha ini membuahkan hasil terbaik nanti.

Pembentangan Permohonan Baharu – Geran Sepadan Bil. 3/2025

18 April 2025 - Satu sesi Pembentangan Permohonan Baharu bagi Geran Sepadan Bil. 3/2025 telah diadakan di Bilik Taklimat, Aras Bawah, Bangunan Pusat Penyelidikan, Blok F6.

Sesi ini telah dipengerusikan oleh Prof. Dr. Nafarizal bin Nayan, Pengarah RMC, dengan pembentangan oleh Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Fahmy bin Abdullah selaku penyelidik utama. Turut hadir, Cik Aimi Syahida binti Ahmad Yani, Pegawai Geran (Unit Geran Antarabangsa dan Industri) RMC.

Sesi ini bertujuan untuk menilai permohonan baharu geran penyelidikan serta membincangkan potensi projek yang berdaya maju bagi mendapatkan pembiayaan.

International Research Engagement: RMC UTHM & RMC UBD (Universiti Brunei Darussalam)

24 April 2025 - Pejabat Pengurusan Penyelidikan (RMC), UTHM telah mengadakan sesi perbincangan secara dalam talian bersama Universiti Brunei Darussalam (UBD) bagi meneroka peluang kerjasama penyelidikan antarabangsa.

Dalam sesi tersebut, wakil UBD, Prof. Dr. Basilios, menjemput staf UTHM untuk berbincang lanjut bersama staf akademik UBD. UBD turut menawarkan pelbagai peluang pembiayaan penyelidikan termasuk dana dalaman (~USD5,000), dana berskala besar yang diuruskan RMC UBD serta sokongan pembiayaan untuk staf dan pelajar antarabangsa.

RMC@UTHM-KAMPUS PAGOH

9 Mei 2025 - Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), UTHM melalui Bahagian Pengurusan Geran (BPG) akan mengadakan sesi terbuka khas untuk Warga UTHM-Kampus Pagoh pada:
9 Mei 2025 (Jumaat)
8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
Blok A, Wing Kiri, Tingkat 2, UTHM Kampus Cawangan Pagoh

Sesi ini memberi ruang untuk warga kampus mendapatkan pertanyaan, konsultasi dan khidmat nasihat berkaitan:

- Hal ehwal berkaitan geran
- Penutupan laporan akhir
- Pengiriman dokumen penyelidikan

Penyampaian Anugerah kepada Staf Akademik Yang Diiktiraf Sebagai *The World's Top 2% Scientist* (*Single Year Achievement*, 2024) dan Pencapaian Penerbitan Terbaik Kategori Teratas Bagi *Prosiding, Mycite, Scopus* dan Wos (*Executive Meet & Greet* Uthm Yang Pertama Tahun 2025)

26 Mei 2025 - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) *Executive Meet & Greet* Siri 1/2025 telah dianjurkan pada 26 Mei 2025 (Isnin) di Big Stage, Aras 2, Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA). Program ini dihadiri oleh warga pengurusan universiti dan juga disiar secara maya melalui YouTube UTHM TV. Acara dimulakan dengan pembentangan Pencapaian KPI Utama SKTU UTHM 2025 oleh Prof. Dr. Mas Fawzi bin Mohd Ali, Penolong Naib Canselor (Strategik dan Kualiti), yang memaparkan prestasi universiti sehingga April 2025.

Perkongsian pencapaian kluster disampaikan Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), yang membentang Pencapaian KPI 2025 di bawah Strategi Penyelidikan, Inovasi dan Komersialisasi. Membentang juga mewakili Ketua Fokus Strategi Pelaksanaan Hussen Global ialah Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Muhammad Saufi bin Kamarudin, Pengarah Pusat Kemajuan Kerjaya dan Alumni, selaku wakil rasmi Timbalan Naib Canselor(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

Pada program kali ini juga berlangsung acara penyampaian anugerah kepada staf akademik yang diiktiraf sebagai *The World's Top 2% Scientist* (*Single Year Achievement*, 2024) dan pencapaian penerbitan terbaik kategori teratas bagi *Prosiding, MyCite, Scopus* dan WoS. Berikutnya juga disampaikan pengiktirafan kepada fakulti dan pusat pengajian yang berjaya menerima penarafan QS *World University Rankings by Subject* 2025 dan *Times Higher Education World University Rankings by Subject* 2025. Semua anugerah disampaikan oleh Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Bil. 2/2025 RMC

22 Julai 2025 - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Bil. 2/2025 bagi Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah diadakan pada jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Persidangan Aras 1, RMC.

Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan pengurusan aset alih di peringkat pusat termasuk pemantauan, pelupusan, serta keperluan penambahbaikan sistem pengurusan aset semasa. Kehadiran ahli jawatankuasa yang komited telah memastikan perbincangan berjalan dengan lancar dan efektif.

RMC merakamkan penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa yang hadir dan memberikan sumbangan idea dalam memastikan pengurusan aset pusat kekal efisien dan telus selaras dengan dasar universiti.

Mesyuarat Gerak Kerja Penubuhan Konsortium Kpt Rel Malaysia

6 April 2025 - UTHM telah terlibat dalam satu perbincangan bermakna melibatkan gerak kerja Konsortium Kpt Rel Malaysia, sebuah inisiatif strategik yang menghimpunkan kepakaran, inovasi dan kolaborasi rentas institusi demi memperkasa agenda pembangunan industri rel negara. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Prof. Ts. Dr. Rabiah Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM, yang mengetuai barisan cendekiawan serta pakar teknikal dalam misi nasional ini. Konsortium ini berperanan memperkukuh ekosistem rel negara selaras dengan Dasar Negara dan Pelan Induk Rel Nasional. Dengan semangat sinergi dan keazaman tinggi, inisiatif ini diyakini mampu membuka lembaran baharu dalam pembangunan teknologi rel tanah air.

Program *Outreach* ICRC @ Pumas UTHM bersama Generasi Minda Emas Sekolah Angkat UTHM, Smk Suria Perdana

18 April 2025 - ICRC UTHM telah melaksanakan Program Outreach bersama pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Suria Perdana, salah sebuah sekolah angkat UTHM, sebagai komitmen berterusan universiti dalam menjayakan agenda pembangunan pendidikan komuniti. Program ini dirangka khusus untuk menyemai aspirasi generasi minda emas dalam kalangan pelajar, dengan memberi pendedahan awal kepada nilai kepimpinan, kecemerlangan akademik, kesedaran sosial dan semangat keusahawanan. Melalui pendekatan interaktif dan aktiviti yang berimpak tinggi, para pelajar digalakkan untuk membina jati diri yang kukuh, pemikiran yang kritis dan semangat juang yang tinggi agar mereka dapat menjadi individu yang berdaya saing, berwawasan dan berjiwa komuniti. Inisiatif ini mencerminkan hasrat UTHM untuk melangkaui sempadan kampus dan memainkan peranan aktif dalam memperkasa pendidikan akar umbi, seterusnya menyumbang kepada pembangunan modal insan negara yang seimbang dari segi intelek dan sahsiah.

UTHM Perkasa Peranan Belia di Program Perasmian Tengku Mahkota Ismail *Youth Centre* (TMIYC) Pasir Gudang, Johor

24 Mei 2025 - ICRC UTHM dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar telah menyertai Program Perasmian Tengku Mahkota Ismail *Youth Centre* (TMIYC) di Pasir Gudang yang dirasmikan oleh DYAM Mejar Jeneral Tunku Mahkota Ismail Ibni Sultan Ibrahim. UTHM terlibat melalui pameran *Makerspace* oleh syarikat pelajar Attribot dari FKEE dan khidmat sukarelawan oleh 39 pelajar *Southern Volunteers*. Pameran menampilkan inovasi digital seperti micro:bit, dron, ISOBOT, dan simulasi permainan fizikal, manakala sukarelawan membantu melancarkan aktiviti sukan, pameran dan keselamatan. Penyertaan ini mencerminkan komitmen UTHM dalam pembangunan belia dan khidmat komuniti.

Sesi Perbincangan bersama MyLawang Group Sdn. Bhd

27 Mei 2025 - ICRC telah mengadakan sesi perbincangan bersama MyLawang Group Sdn. Bhd. bagi meneroka potensi kerjasama strategik antara pihak akademia dan industri, khususnya dalam memperkasa inovasi sosial dan keselamatan komuniti. Perbincangan ini dihadiri oleh Pengarah ICRC, Prof. Madya Ts. Dr. Faridah binti Kormin, bersama beberapa pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina, serta Dato' Saripulbahri bin Roslan, Ketua Pegawai Eksekutif MyLawang Group Sdn. Bhd., bersama pasukannya. Dalam sesi tersebut, Ketua Program *Kidsafe*, Prof. Madya Dr. Munzilah binti Md. Rohani telah berkongsi pelaksanaan program keselamatan kanak-kanak yang dijalankan sejak tahun 2011. Inisiatif ini membuka ruang kerjasama ke arah pembentukan komuniti yang lebih selamat, inklusif dan berdaya tahan melalui pendekatan berasaskan pendidikan dan penglibatan komuniti.

Lawatan Tapak Projek Hidroponik Pintar bersama Pasukan 1rd di Kem Wardieburn, Kuala Lumpur

23 Jun 2025 - Satu lawatan tapak ke Kem Wardieburn, Kuala Lumpur telah diadakan oleh pasukan ICRC UTHM sebagai sebahagian daripada perancangan awal Projek Hidroponik Pintar bersama Pasukan 1 Rejimen Renjer Diraja (1 RRD). Lawatan diketuai oleh Dr. Raden Mohd Farhan Helmy dan Dr. Nurul Nadia Adnan, turut disertai Lt. Kol. Salrafeehasleizad dan Mej (KM) Noraswandy bin Saharom, bagi meninjau lokasi sesuai untuk pelaksanaan sistem. Projek ini bertujuan memperkenalkan teknologi pertanian moden kepada warga tentera dan menjadi platform pemindahan ilmu serta latihan kemahiran kepada komuniti, selaras dengan aspirasi UTHM dalam pembangunan lestari dan berimpak tinggi.

Lawatan Tapak ke SK Jelotong bagi Perancangan Pelaksanaan Projek Sekolah Angkat Madani 2025

15 Julai 2025 - Satu lawatan tapak ke Sekolah Kebangsaan Jelotong telah diadakan bagi membincangkan perancangan pelaksanaan Projek Sekolah Angkat MADANI 2025 yang diselaraskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Lawatan ini diketuai oleh Pengarah ICRC, Prof. Madya Ts. Dr. Faridah binti Kormin bersama barisan pengurusan ICRC UTHM dan disertai pihak sekolah, PIBG serta wakil pelajar UTHM. Perbincangan memberi tumpuan kepada pelaksanaan program pembangunan sahsiah murid, pemerkasaan digital, komuniti dan kesukarelawanan selaras dengan prinsip MADANI. Program ini dijangka bermula secara berperingkat pada tahun 2025 dengan harapan memberi manfaat menyeluruh kepada warga sekolah dan komuniti setempat.

Penerbit UTHM Jayakan Penyertaan di PBAKL 2025, Bicara Buku Tarikan Utama

1 Jun 2025 - Pejabat Penerbit telah menyertai Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2025 di WTCKL dari 23 Mei hingga 1 Jun. Reruai jualan UTHM menawarkan buku pada harga istimewa dan promosi menarik, disambut baik oleh pengunjung pelbagai latar belakang. Puncak acara ialah sesi Bedah Buku di Pentas RepubliKa Merah pada 31 Mei, melibatkan buku "Anda Nak Tahu?" dan "Travelog Anak Muda: Budak Parit Pergi Travel". Penulis berkongsi pengalaman dan isi kandungan buku. Program ini berjaya meningkatkan jualan, melebarkan jaringan kerjasama dengan penerbit lain serta memberi pendedahan berguna kepada staf dalam pengurusan pameran berskala besar.

Webinar Penyelarasan Bab Buku Anjuran Pejabat Penerbit

9 Julai 2025 – Unit Jurnal, Prosiding dan Pengindeksan, Pejabat Penerbit UTHM telah menganjurkan Webinar Penyelarasan Bab Buku secara dalam talian melalui *Google Meet*. Webinar ini disertai oleh staf dan penulis buku UTHM serta penulis luar, bertujuan menyelaras penulisan bab buku mengikut format dan garis panduan. Peserta diberi pendedahan mengenai peranan editor, pengurusan manuskrip dan proses penerbitan. Sesi ini juga membuka ruang soal jawab interaktif dan menyumbang kepada pencapaian KPI universiti dalam penerbitan ilmiah. Penganjuran webinar ini secara keseluruhannya telah berjaya mencapai objektif yang digariskan serta diharapkan dapat memperkasa budaya penulisan ilmiah dalam kalangan warga universiti, seterusnya menyumbang ke arah peningkatan kualiti penerbitan institusi secara berterusan.

Penerbitan buku baru Penerbit UTHM

31 Julai 2025 - Sehingga Julai 2025, sebanyak lapan judul buku baharu telah diterbitkan oleh Penerbit UTHM meliputi pelbagai bidang ilmu dan bacaan umum. Setiap judul menampilkan kandungan yang segar serta sesuai untuk pelbagai lapisan pembaca. Buku-buku ini boleh didapati di Kedai Buku Penerbit UTHM dengan harga berpatutan. Jangan lepaskan peluang untuk mendapatkan naskhah anda hari ini.

Pesbuk
PESTA BUKU UTHM 2025
Jom....
Ke Pesta Buku
22~24 Oktober 2025
Dewan Sultan Ibrahim UTHM
Anjuran Pejabat Penerbit
Dengan Kerjasama
Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM
Global Technopreneur University 2030
ACARA MENARIK
• Jualan dan Pameran Buku Penerbit Buku IPTA dan Pengedar Buku
• Pameran Jualan Kereta
• Jualan Barangan Komputer /Gajet
• Jualan Food Truck Makanan
• Pameran Pelancongan Johor
• Pertandingan Stem
• Pemeriksaan Kesihatan
• Kempen Derma Darah
• Kempen Wakaf Buku
• Permainan 'Mix & Match'
• Permainan 'Spin & Win"
• Aktiviti Teka Buku
• Pengunjung Bertuah
• Minuman / Makanan percuma : Milo, Maggie, Nescafe Truck
FOOD TRUCK

Memorandum Perjanjian (MoA) di antara UTHM dan GIAE

23 April 2025 - Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) di antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan *Green Innovation and Energy* Sdn. Bhd. (GIAE) telah diadakan bertempat di Dewan Jamuan, Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM Kampus Induk, Parit Raja.

Yang Berhormat Prof. Dato' Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM telah menurunkan tandatangan bagi pihak universiti manakala GIAE diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Chris Heng.

Jalinan kerjasama ini bakal melibatkan projek penyelidikan bersama serta pemantauan teknologi bagi menyelesaikan cabaran industri semasa, pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan saintifik dan teknologi, pengujian, penerbitan akademik, latihan industri di kalangan pelajar, dan juga aktiviti tanggungjawab sosial korporat.

Turut hadir di dalam majlis ini adalah Prof. Ts. Dr. Mohd Khairul bin Ahmad, Pengarah Institut Kejuruteraan Integrasi (I²E) UTHM; Encik Naim bin Maslan Pendaftar/ Ketua Pegawai Operasi; Ketua-Ketua CoE dan pegawai-pegawai kanan universiti.

Dalam majlis ini, terdapat dua (2) MoA yang ditandatangani di majlis ini di bawah penyelarasan Prof. Ir. Dr. Soon Chin Fhong dan Prof. Ts. Dr. Norshuhaila binti Mohamed Sunar.

International Conference on Engineering, Science and Nanotechnology 2025 (ICESNANO2025)

28 - 30 April 2025 – *International Conference on Engineering, Science and Nanotechnology* 2025 (ICESNANO2025) anjuran Pusat Penyelidikan Shamsudin – Mikroelektronik dan Nanoteknologi (MiNT-SRC) telah diadakan bertempat di Opero Hotel Southkey, Johor Baharu.

Yang Berhormat Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM telah hadir merasmikan persidangan ICESNANO2025 ini. Turut hadir ke majlis perasmian ini adalah Encik Ismarul Nizam Ismail, Ketua Penolong Pengarah Pusat Nanoteknologi Kebangsaan (NNC), Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI); Dr. Sidek Salleh, Pengarah Program - Pusat Penyelidikan Kolaboratif dalam Sains, Kejuruteraan dan Teknologi (CREST); Dr. Syed Muhammad Hafiz Syed Mohd Jaafar, Timbalan Ketua Bahagian 1, Bahagian R&D Semikonduktor, MIMOS Berhad; Dato' (Dr.) Ir. Guntor Tobeng, Pengarah Urusan Gading Kencana Sdn. Bhd; Profesor Ts. Dr. Hj. Mohd Khairul Ahmad, Pengarah Institut Kejuruteraan Integrasi (I2E), Profesor Dr. Nafarizal Nayan, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan Prof. Madya Dr. Marlia binti Morsin, Ketua Pusat Mikroelektronik dan Nanoteknologi (MiNT SRC), UTHM.

Persidangan yang bermula pada 28 hingga 30 April 2025 ini mengetengahkan kepentingan menghubungkan teori penyelidikan dengan amalan sebenar industri demi memastikan hasil penyelidikan memberi impak yang nyata kepada masyarakat dan alam sekitar. Di samping itu, persidangan ini menjadi landasan strategik untuk membincangkan penyelesaian masa depan yang lestari melalui pembentangan kertas kerja, sesi panel industri serta jaringan rentas negara yang mampu membuahkan kolaborasi jangka panjang.

ICESNANO2025 yang disertai universiti dan industri tempatan serta antarabangsa ini sejajar dengan visi UTHM untuk menjadi universiti teknikal bertaraf dunia, berteraskan keseimbangan antara teori, penyelidikan berimpak dan pelaksanaan dalam bentuk penyelesaian kejuruteraan sebenar. ICESNANO 2025 ini telah mendapat tajaan dari pelbagai agensi kerajaan dan syarikat swasta seperti tajaan Menteri Besar Negeri Johor, Pusat Nanoteknologi Kebangsaan (NNC), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), JEOL Ltd., Nanorian Technologies Sdn. Bhd, JLand Group Sdn. Bhd, dan Gading Kencana Sdn. Bhd.,

Sesi Penyerahan Watikah Ketua Pusat Kecemerlangan (CoE) bagi Menerajui Penyelidikan di I²E, UTHM

15 Mei 2025 - Sesi penyerahan watikah ketua pusat kecemerlangan (CoE) telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan disaksikan oleh Prof. Ts. Dr. Hj. Mohd Khairul bin Ahmad, Pengarah I²E pada 15 Mei 2025 bertempat di Pejabat Canselori UTHM.

Lantikan ini melibatkan Prof. Ir. Ts. Dr. Adnan bin Zainorabidin, Ketua Pusat Penyelidikan Tanah Lembut (RECESS); Prof. Ir. Dr. Fauziahanim binti Che Seman, Ketua Pusat Penyelidikan Elektromagnet Gunaan (EMCenter), Prof. Madya Dr. Marlia binti Morsin, Ketua Pusat Penyelidikan Shamsuddin – Mikroelektronik dan Nanoteknologi.

Menghidupkan Warisan Lokomotif

9 Julai 2025 – Pihak Pusat Kecemerlangan Industri-Rel (ICoE-Rail) yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Nor Aziati binti Abdul Hamid dengan kerjasama Pusat Kajian Tenaga & Persekitaran Industri (CEIES), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) telah mengadakan lawatan kerja ke DS Rail Mobility Sdn. Bhd. Lawatan ini bagi menghidupkan warisan lokomotif yang melibatkan projek pengubahsuaian dan penambahbaikan sistem enjin stim kereta api dan juga penyelidikan yang berkaitan kargo dan *rollingstock.*

Sanggar Lestari Institut Kejuruteraan Integrasi (I²E) di Bayu Balau *Beach Resort*

7 – 9 Mei 2025 – Program Sanggar Lestari Siri 1/2025 anjuran Pusat Kepimpinan dan Kompetensi (PKK) bagi Institut Kejuruteraan Integrasi (I²E) telah diadakan di Bayu Balau *Beach Resort*, Kota Tinggi, Johor.

Program ini telah disertai oleh seramai 40 orang staf dari Institut Kejuruteraan Integrasi I²E yang merangkumi staf pentadbiran, ketua pusat bagi pusat kecemerlangan (CoE), penyelidik utama (PR) pusat kecemerlangan dan penolong jurutera CoE.

Aktiviti sepanjang program ini telah dikendalikan oleh konsultan jemputan iaitu Tuan Zakaria Yasin (Pak Ya) dan Tuan Mazlan. Program yang berlangsung selama 3 hari 2 malam ini telah memberi penekanan terhadap paradigma tauhid dalam usaha mencapai misi, visi dan objektif UTHM yang disusun secara menyeluruh kepada semua peringkat sama ada staf pengurusan, akademik dan bukan akademik tanpa mengira perbezaan bagi mewujudkan satu pasukan yang mantap dalam persekitaran kerja yang kondusif dan menggembirakan semua kakitangan di UTHM.

iSWAJ Menyumbang Kepakaran dalam Penilaian Produk Inovasi

5 Mei 2025 - Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah telah menerima kunjungan Guru Inovasi SMA Parit Raja bersama 5 orang pelajar. Delegasi ini telah disambut oleh YBhg. Dr. Nur Zainatul Nadra Zainol; Ketua Jabatan Penyelidikan & Penerbitan. Kumpulan ini telah mengadakan kunjungan ke pejabat ISWAJ untuk membentangkan inovasi mereka serta mendapatkan pandangan dan cadangan penambahbaikan sebelum menyertai Ihtifal Ilmi Peringkat Negeri.

Kumpulan inovasi ini telah mencuri perhatian apabila berjaya menghasilkan sebuah permainan papan bertemakan sejarah Islam yang dinamakan Al-Khalifah Board Game. Projek yang diinspirasikan daripada permainan popular seperti Monopoly dan Saidina ini menampilkan elemen pendidikan Islami, di mana pemain perlu menjawab soalan berdasarkan subjek Syariah dari Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) sebelum membeli tapak atau membuat transaksi. Produk inovasi ini dibangunkan Guru Inovasi SMAPR; YBhg. Ustaz Muhammad Nabil bin Abd Halim dengan matlamat untuk menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan dan interaktif. Selain membantu pelajar lebih mudah menghafal, permainan ini juga menjadikan sesi pembelajaran lebih menarik dan tidak membosankan. Menariknya, sebelum ini kumpulan ini juga pernah menerima beberapa anugerah inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pembentangan kumpulan inovasi ini telah menerima sambutan positif, iSWAJ menganugerahkan iSWAJ S*pecial Award* yang telah disampaikan oleh YBhg. Dr. Nur Zainatul Nadra Zainol wakil Pengarah iSWAJ. iSWAJ turut mendoakan kejayaan kumpulan ini dalam pertandingan yang bakal disertai. Al-Khalifah Board Game dilihat sebagai satu langkah bijak dalam merangsang minat pelajar untuk belajar dengan lebih interaktif serta memahami sejarah dan prinsip Islam dalam suasana yang santai dan menyeronokkan.

Majlis Menandatangani Surat Hasrat Kerjasama antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Pertubuhan Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Suria Impian, Dun Machap

22 Mei 2025 - iSWAJ UTHM telah memeterai kerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Suria Impian, DUN melalui Majlis Menandatangani Surat Hasrat. Surat Hasrat menjadi dokumen persetujuan bersama untuk bekerjasama dalam penyelidikan, latihan dan perkhidmatan sosial, khususnya dalam melaksanakan aktiviti yang memberi manfaat pelatih oleh Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ) UTHM.

Majlis menandatangani Surat Hasrat ini telah disempurnakan oleh Pengarah iSWAJ, Profesor Madya Dr. Khairun Nidzam bin Ramli dan Pengerusi PDK Suria Impian, Puan Anidah binti Basri dan disaksikan oleh En. Mohd Hafiz bin Shukor, Pegawai Khas YAB Menteri Besar Johor dan Encik Shazuan Husnain Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Kluang. Turut hadir majlis ini Ketua Jabatan iSWAJ, Dr. Nur Zainatul Nadra binti Zainol serta barisan pensyarah: Dr. Wan Ainaa Mardhiah binti Wan Zahari, Dr. Haji Muhammad Suhaimi bin Haji Sulong, dan Ustaz Haji Baharudin bin Yaman. Kerjasama ini dijangka memperkukuh hubungan strategik antara institusi pengajian tinggi dan organisasi komuniti dalam usaha memperkasakan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) melalui pelbagai inisiatif berteraskan inklusiviti, pembangunan kemahiran dan sokongan sosial.

Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Kepakaran iSWAJ Bil. 1/2025

9 Jun 2025 - Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Kepakaran Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah Bil. 1/2025 telah diadakan di Dewan Syura Aras 5, Pusat Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Dato' Dr. Hj. Nooh bin Gadot, Penasihat Agama Majlis Agama Negeri Johor.

Mesyuarat turut dihadiri oleh S.S Yb Dato Haji. M Tahrir bin Dato' Hj. Samsudin, Penasihat Agama Majlis Agama Islam Negeri Johor, Tuan Haji. Hasrin Kamal bin Hashim, Ketua Eksekutif Majlis Agama Islam Negeri Johor, Sohibus Saadah Tuan Haji Nasri bin Md Ali, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Sohibul Fadhilah Tuan Haji. Halid bin Sono, Kadi Besar Negeri Johor serta Ustazah Sharifah Khadijah binti Syed Abu Bakar; Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum.

Pengarah iSWAJ Prof. Madya Dr. Khairun Nidzam bin Ramli selaku setiausaha mesyuarat telah membentangkan Sasaran Kerja Tahunan dan pencapaian iSWAJ sepanjang 2024. Turut hadir dalam mesyuarat ini Ketua Jabatan iSWAJ; Dr. Nur Zainatul Nadra binti Zainol, Prof. Madya. Dr Noorhaniza binti Wahid dan Ust Hj Baharudin bin Yaman.

Mesyuarat menyokong usaha yang telah dijalankan oleh iSWAJ khususnya penganjuran Persidangan Antarabangsa Pemikiran Islam Kali Keempat (PEMIKIR 4) sempena Sambutan 100 Tahun Penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Johor, pemperkasa Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Tahfiz-TVET.

Halal TVET : Kursus Penyembelihan dan Pengurusan Loji bersama Pelajar FPTP

26 Julai 2025 - Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia merupakan Penyedia Latihan Halal (PLH) JAKIM dan Rakan Strategik Sertu (RSS) Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah mengadakan Kursus Penyembelihan dan Pengurusan Loji. Kursus ini merupakan kerjasama bersama Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan UTHM yang telah diadakan di Masjid Sultan Ibrahim UTHM. Seramai 30 orang pelajar telah menghadiri kursus ini. Kursus penyembelihan ini telah disampaikan oleh En Zamari bin Mohd Amin, Pegawai Jabatan Perkhidmatan Veteriner Negeri Johor serta Al-Fadhil Ustaz Haji Nasri bin Selamat, Pegawai Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Tujuan kursus ini dilaksanakan untuk memberikan pemahaman tentang hukum-hakam, syarat sah penyembelihan, dan prosedur halal yang ditetapkan. Kursus penyembelihan bukan sahaja memperkaya ilmu dan kemahiran pelajar, tetapi juga menerapkan kepentingan konsep halalan toyyiban dalam aspek kehidupan seharian. Tambahan lagi, pelajar-pelajar ini menjalani latihan amali dengan kemahiran praktikal penyembelihan ayam selari dengan konsep Halal TVET yang dilaksanakan. iSWAJ sebagai pusat halal TVET UTHM sentiasa komited memperkasa industri halal dalam bentuk latihan dan kemahiran kepada peserta, pelajar dan pemain industri halal di Malaysia secara amnya, khususnya di Negeri Johor.

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Resbuk

PESTA BUKU UTHM 2025

22~24 Oktober 2025

Dewan Sultan Ibrahim UTHM

Anjuran Pejabat Penerbit

Dengan Kerjasama
Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM

GTU 2030
Global Technopreneur University 2030

Penerbit UTHM